

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MEI 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI teraju pelaksanaan Pelan IoT Kebangsaan	Utusan Malaysia
2.	IoT mampu jana peluang ekonomi bernilai RM890 Bilion di peringkat global	BERNAMA
3.	Kerugian dikurangkan	Utusan Malaysia
4.	Mosti sasar kadar pengkomersialan inovasi meningkat 15 peratus	Sinar Harian
5.	Ilmu kimia jadi modal perniagaan	Kosmo
6.	Towards an equitable society	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 22 MEI 2015 (JUMAAT)

MOSTI teraju pelaksanaan Pelan IoT Kebangsaan

KUALA LUMPUR 21 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menerajui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik Internet Segala-galanya (IoT) Kebangsaan yang mampu menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, pelan tersebut bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak lama lagi.

"Teknologi ini dilihat mampu menjana peluang ekonomi di peringkat global bernilai RM890 bilion di samping nilai tambah RM6,100 bilion menjelang 2020.

"Dalam tempoh itu juga, IoT dianggarkan berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis perasmian Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2015) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha (KSU) MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Timbalan KSU (Dasar), Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Timbalan KSU (Sains), Dr. Zulkifli Mohamed Hashim.

NICE 2015 anjuran MOSTI buat kali-10 itu disertai kira-kira 1,000 orang terdiri daripada pemain industri, pelajar universiti dan de-



EWON EBIN merasmikan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2015 sambil diperhatikan **Noorul Ainur Mohd. Nur** (dua dari kiri); **Mohd. Azhar Yahaya** (kanan) dan **Zulkifli Mohamed Hashim** (kiri) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR

legasi dari luar negara.

Ewon dalam pada itu menyuarakan keyakinan bahawa kerajaan akan terus komited memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"MOSTI juga yakin dapat mencapai sasarannya untuk mengkomersialkan sebanyak 360 produk R&D berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun lagi,"

tambahnya.

Beliau memberitahu, kementeriannya memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi membiayai projek-projek mempunyai elemen sosial inovasi juga penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun ini.

Peruntukan itu katanya, meliputi permohonan atau pelaksanaan idea berbentuk perkhidmatan, produk atau modul bagi memenuhi keperluan sosial.



IoT Mampu Jana Peluang Ekonomi Bernilai RM890 Bilion Di Peringkat Global

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kemudahan Internet of Things (IoT) yang akan dilaksanakan di Malaysia tidak lama lagi, dijangka menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin berkata kementerian itu atau MOSTI akan menerajui pelaksanaan pelan strategik IoT yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Menjelang 2020, IoT dijangka berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik," katanya pada sidang media sebelum pelancaran Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2015, di sini, hari ini.

Pada Mei 2014, agensi MOSTI iaitu MIMOS melancarkan kumpulan kerja IoT yang memaparkan komitmen kerajaan bagi IoT yang bakal menjadi keutamaan seterusnya dalam bidang teknologi.

IoT adalah integrasi atau penyepaduan teknologi seperti Internet, pengesan tanpa wayar, sistem pengenalan frekuensi radio dan sistem kedudukan global (GPS) yang boleh memudahkan kehidupan orang ramai.

Persidangan tiga hari bertemakan 'Beyond Innovation' (Melangkaui Inovasi) dan dianjurkan MOSTI, akan mengetengahkan penceramah tempatan serta antarabangsa yang dijangka menarik pembabitan 1,000 peserta dan 81 pempamer.

Pada hari terakhir persidangan itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijadual menyempurnakan majlis Anugerah Inovasi Negara 2015.

-- BERNAMA

Petani disaran guna sistem ukur kelembapan padi, beras

Kerugian dikurangkan

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ SEPANG 21 MEI

PARA petani dinasihat mengunakan sistem pengukuran kelembapan padi dan beras bagi mengurangkan kerugian ditanggung semasa proses penetapan kadar potongan harga hasil padi dan beras yang lembap.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, sistem yang dibangunkan Makmal Metrologi Kebangsaan, SIRIM Berhad (NML-SIRIM) itu menggunakan satu kaedah standard untuk mengukur kelembapan beras dan padi.

Menurutnya, menerusi kaedah itu, urusan niaga akan menjadi lebih adil dan menjamin kualiti beras yang diterima oleh pengguna serta dapat menangani masalah pertikaian harga antara petani dan pemborong.

"Selama ini para petani dan pemborong berdepan masalah untuk tentukan kelembapan padi dan beras. Ada pemborong yang membuat potongan 20 hingga 30 peratus ekoran kelembapan pada beras

dan padi itu, walhal kalau mengikut sistem standard yang SIRIM keuarkan, tidak sampai 20 peratus.

"Saya yakin semua pihak yang terlibat dalam industri ini akan lebih berpuas hati dengan penggunaan sistem pengukuran khas yang telus dan adil ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Meteorologi Sedunia di sini semalam.

Abu Bakar berkata, kementerian mencadangkan sistem pengukuran tersebut diperluaskan kepada Beras Nasional Berhad (Bernas), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), pengilang beras, pemborong beras dan persatuan-persatuan petani.

Beliau berkata, tanpa penggunaan kaedah pengukuran kelembapan beras dan padi yang tepat, para petani akan mengalami kerugian yang besar, begitu juga bagi beras yang diimport dari negara jiran.

"Kandungan kelembapan yang tidak diukur dengan tepat akan menyebabkan kerugian yang besar kepada negara apabila perlu membayar lebih terhadap berat air dan bukannya beras," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abu

Bakar memberitahu, masyarakat tidak perlu lagi meragui tahap keupayaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) kerana sistem tersebut dibangunkan oleh SIRIM dengan kerjasama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menurutnya, AES setanding dengan sistem yang dibangunkan oleh negara-negara maju bagi menjamin ketelusan dan mematuhi keperluan pengukuran berdasarkan Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Sementara itu, Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, NML-SIRIM akan terus menggalakkan kaedah parameter pengukuran dan teknologi di negara ini termasuk menyediakan perkhidmatan menentu ukuran, perkhidmatan perundingan dan menyediakan latihan teknik pengukuran.

"Di bawah perancangan bahu-ru, NML-SIRIM telah ditugaskan dengan pelbagai projek menerusi pembiayaan penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama bagi teknik dan standard pengukuran yang tinggi," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) mendengar taklimat mengenai modul sistem timbang berat kenderaan semasa melawat tapak pameran selepas merasmikan Hari Meteorologi Sedunia 2015 di Sepang, kelmarin. - UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN

Mosti sasar kadar pengkomersialan inovasi meningkat 15 peratus

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menyasarkan kadar pengkomersialan inovasi tempatan meningkat kepada 15 peratus menjelang 2020 berbanding sembilan peratus pada masa sekarang.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, sasaran itu seiring matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan negara maju pada 2020.

"Kita juga mahu mengeluarkan sehingga 360 produk berimpak tinggi pada 2020. Sasaran ini boleh dicapai memandangkan syarikat tempatan sudah mengeluarkan 60 produk berimpak tinggi setiap tahun," katanya selepas merasmikan pembukaan pejabat baharu Qiagen Biotechnology Malaysia Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Abu Bakar berkata, kerajaan akan terus



ABU BAKAR

menyediakan geran kepada syarikat yang menghasilkan produk inovasi.

Mengenai Rancangan Malaysia Ke-11 yang dibentangkan semalam, katanya, kementerian berkenaan mahu mewujudkan budaya inovasi.

"Walaupun rakyat Malaysia adalah kreatif secara semula jadi, pengguna enggan menggunakan produk baharu yang dihasilkan

oleh syarikat tempatan.

"Ini menyebabkan ramai rakyat Malaysia yang berkemahiran pergi ke luar negara untuk mempromosi produk mereka kerana mereka adalah bernilai dan diterima oleh masyarakat luar negara.

"Kita sewajarnya mengubah tingkah laku ini dan syarikat tempatan perlu berani mempromosi produk berimpak tinggi yang dicipta bakat tempatan," katanya. - Bernama

KERATAN AKHBAR
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 22 MEI 2015 (JUMAAT)



Oleh **TAUFIK SALIMIN**

FIKIRANNYA berserabut apabila memikirkan idea bagi menjalankan proses penyelidikan serta pembangunan produk terkini.

Tatkala sedang duduk di atas kerusi, matanya hanya memerhati beberapa rakan sekerja yang bertungkus lumus menyiapkan segala tugas di sebuah makmal kimia di Institut Bioteknologi Melaka.

Nafasnya juga seakan-akan terhenti kerana ketidusan idea sambil mata yang lesu itu sudah terbayang tilam dan bantal di rumah.

Terlintas di fikirannya, untuk mencari kerjaya lain kerana sudah bosan biarpun ketika itu sudah memegang jawatan sebagai pegawai penyelidikan.

Mohd. Khairil Said, 38, ingin mencari bidang baharu yang boleh membawanya keluar dari kepompong makan gaji.

Dia menganggap, lebih baik memperoleh rezeki berlandaskan prinsip kerja sendiri selain yakin bahawa sembilan per sepuluh rezeki adalah daripada perniagaan.

"Lantas, saya melakukan solat istikharah untuk meminta petunjuk bagi mencari apa yang patut dilakukan kerana umur saya masih muda.

"Selepas berkali-kali melakukannya, saya bulatkan tekad berhenti kerja untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan berdasarkan penyelidikan produk-produk herba," katanya memulakan bicara.

Namun, hati Mohd. Khairil sedikit gundah kerana jiwanya bukan pada bidang perniagaan. Selain itu, dia mengakui bahawa bidang tersebut di luar minatnya.

Bagaimanapun, saat merasakan perniagaan adalah jalan terbaik untuk meraih kekayaan dan didesak dengan rasa ingin mencuba, Mohd. Khairil mengalah dengan perasaan tersebut.

"Pada mulanya, saya tidak terfikir



MOHD.KHAIRIL

Ilmu kimia jadi modal perniagaan

Kepakaran dalam bidang penyelidikan membawa tuah kepada Mohd. Khairil Said apabila kini bergelar jutawan hasil perniagaan produk berasaskan sumber semula jadi.



PENELITIAN dan kelengkapan peralatan penting untuk mengeluarkan hasil yang berkualiti.

untuk menjadi ahli perniagaan kerana langsung tiada minat. Saya juga tidak memulakan dalam bidang perniagaan.

"Namun, disebabkan rasa ingin mencuba, kemahiran dan pengetahuan luas dalam bidang kimia diguna pakai untuk dijadikan taruhan dalam perniagaan ini," jelasnya.

Bagaimanapun, hasratnya terhalang apabila keluarga menentang habis-habisan perancangan itu kerana sudah mempunyai pekerjaan kukuh dan lebih terjamin.

Hari demi hari, dia cuba meyakinkan kedua-dua ibu bapanya dan selepas puas dipujuk, mereka

merestui niatnya yang mahu meluaskan lagi mata pencarian itu.

Memulakan tahun 2007 dengan azam baharu iaitu ingin menjadi usahawan yang berjaya, Mohd. Khairil membuat pinjaman dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) sebanyak RML6 juta bagi kos pembinaan kilang, peralatan dan domestik.

Bagaimanapun, jumlah tersebut tidak mencukupi kerana masih memerlukan RM2.5 juta bagi menyempurnakan perancangan tersebut.

"Saya terpaksa meminjam daripada ahli keluarga dan kenalan untuk menampung kos tersebut.

"Bukan setakat itu sahaja, saya meminta isteri menggadaikan barang-barang kemas bagi memastikan jumlah yang diinginkan itu mencukupi," katanya.

Petanda baik

Detik paling terkesan sudah pasti apabila dia ditipu oleh seorang kenalan dengan kerugian kira-kira RM60,000 kerana mempercayai bantuan yang diberikan bagi bersama-sama membuka perniagaan tersebut.

Bagaimanapun, ia tidak berputus asa malah, berkat kesabaran dia berjaya membuka kilang dengan dibantu 10 orang pekerja pada tahun tersebut.

Selepas itu, dia secara perlahan-lahan mengeluarkan produk minyak herba dengan kapasiti terhad kerana mahu melihat dahulu potensi pasaran. Andainya berjaya membawa keuntungan, sudah pasti ia satu petanda baik baginya untuk meneruskan cita-cita kedua itu.

"Alhamdulillah, berkat kesabaran, produk pertama iaitu pati minyak herba dihasilkan kira-kira setahun selepas itu dan mula dijual secara kecil-kecilan di sekitar Melaka.

"Biarpun belum boleh menjana keuntungan, saya tetap tidak patah semangat kerana percaya lambat laun rezeki itu akan mula datang," ujarnya.

Selepas melihat pasaran yang kecil, Mohd. Khairil giat mencari idea untuk melebarkan sayap namun, pada masa sama dia tidak mahu tergopoh-gopah kerana bimbang hasilnya mengecewakan.

Justeru, dia cuba menjual produk



SAMBUNGAN... KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 22 MEI 2015 (JUMAAT)

KOSMO! **2** JUMAAT 22 MEI 2015

tersebut secara pukal dan membuat jualan langsung dari rumah ke rumah. Ketika itu, dia mempelajari selok-belok perniagaan dan komunikasi yang langsung tiada dalam perwatakan selama ini.

"Saya mula jual dalam kuantiti 5 ke 10 kilogram dalam lingkungan harga RM40 kerana mahu melihat potensinya terlebih dahulu.

"Memang pada mulanya agak perlahan namun, masih boleh dijual. Pendapatan pertama juga tidak begitu membanggakan namun, masih boleh menampung terutamanya membayar kos upah dan pembuatan," jelasnya.

Ketika itu, dia hanya dapat menjual kira-kira 100 barang dan di situlah dia merasakan cabaran sudah mula dirasai terutamanya persaingan serta kepercayaan masyarakat terhadap produk keluarannya.

Senario itu berlarutan kira-kira setahun dan graf perniagaannya mencatatkan prestasi turun naik sehingga memaksa dia memikirkan strategi pasaran lebih berkesan.

Terbit juga rasa sesal sehingga jiwanya cukup berbekas apabila produk itu kurang mendapat sambutan pelanggan biarpun pelbagai cara diusahakan.

"Pada ketika itu, saya masih belum memiliki premis. Jadi, saya rasa seperti berputus asa kerana kepenatan menjual barang-barang tersebut tidak mendatangkan pulangan baik.

"Saya hanya mampu bersabar kerana situasi itu juga dilalui orang lain dan banyak perkara yang saya belajar selepas melihat sedikit kegagalan pada percubaan pertama ini," katanya.

Fasa muram

Bercerita mengenai pengalaman yang mengecewakan, dia pernah mengalami situasi tiada duit selama enam bulan dan modal yang ada hanya cukup untuk membayar kos pekerja serta pengeluaran produk.

Bukan itu sahaja, dia juga gagal melunaskan sewa bulanan dan duit potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Menurutnya, situasi pada tahun 2008 hingga 2010 begitu teruk dan dugaan datang silih berganti sehingga menjejaskan kewangan syarikat.

Selepas mengalami fasa muram, dia bertindak lebih agresif untuk mencari penyelesaian bagi menghidupkan kembali perniagaannya selepas yakin produk tersebut mampu menambat hati ramai orang.



PILLOW Spray dibuat khusus bagi mereka yang menghadapi masalah tidur.



MOHD. KHAIRIL (dua dari kiri) menerangkan kepada Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Yahya Hussin (dua dari kanan) sambil diperhatikan Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ibin dan Timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah sempena Bio Borneo 2015 di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

Dia kemudiannya giat menjalankan penyelidikan dan efisien terhadap sumber alam semula jadi serta mencari formula baharu untuk mengeluarkan produk lebih berkualiti.

Mohd. Khairil mengambil masa kira-kira dua tahun untuk kembali memulihkan perniagaan berdasarkan kepada kursus-kursus dan kajian dijalankan terhadap produk.

Pada masa sama, dia juga mengambil kira pandangan pengguna yang telah menggunakan produk tersebut bagi mengetahui apa yang perlu ditambah baik atau sebalikinya.

Dia langsung tidak melatah tatkala ada pengguna yang kurang berpuas hati kerana memahami produk-produk seperti itu ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan.

"Perkara itu menjadi dorongan kepada saya untuk menghasilkan produk lebih baik dan memberi kepuasan kepada pengguna.

"Alhamdulillah, selepas berhempas pulas selama dua tahun, produk keluaran saya mula membuahkan hasil sehingga permintaan meluas termasuk menerima tempahan dari Singapura, Brunei dan Indonesia," katanya.

Kini, produk Sutra sudah mula menembusi pasaran Mesir, Pakistan dan terbaru di Belanda. Semuanya hasil promosi yang dibuat ketika mengikuti rombongan perniagaan bersama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia ke Eropah tahun lalu.

Kesan positif

Sutra merupakan produk penjagaan dan kecantikan diri yang dikeluarkan khusus kepada semua peringkat usia serta jantina.

Produk Sutra merangkumi aromaterapi, wangian dan kesihatan.

Selain harganya yang murah bermula RM40 hingga RM120, kesemua produk tersebut dijamin halal.

Setiap bulan, permintaan produknya boleh mencecah 200,000 unit dengan purata pendapatan sebulan mencecah hampir RMI juta.

"Alhamdulillah, saya mengambil masa kira-kira lima tahun untuk mengukuhkan pasaran bermula secara kecil-kecilan sehinggalah berskala besar seperti hari ini.

"Momentum yang ditunjukkan sejak tahun 2012 cukup baik dan memberi kesan positif kepada perniagaan saya sehingga hari ini," jelasnya.

Katanya, jatuh bangun selama lima

tahun dalam dunia perniagaan banyak mematangkan dirinya untuk menjadi usahawan yang lebih baik.

Kini, Mohd. Khairil mempunyai pusat pengedaran di Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor bagi memudahkan proses pengedaran, penghantaran dan jualan.

Justeru, kemudahan yang sedia ada itu membolehkannya memasangkan impian untuk terus melebarkan sayap perniagaan.

Pada masa sama, Mohd. Khairil turut berazam mahu menambah beberapa lagi produk bagi memastikan jenama Sutra kukuh di pasaran.

Pesona **31**



KILANG Tropical Bioessence di Masjid Tanah Melaka menjadi tempat pengeluaran produk Sutra.

PEKERJA, Noor Izra Jamaludin menunjukkan produk-produk Sutra yang semakin mendapat tempat di pasaran.



Kreativiti pendorong kejayaan usahawan

KEBERANIAN dan minat terhadap bidang keusahawanan mendorong seseorang individu mencetuskan diri dalam perniagaan biarpun tidak mempunyai latar belakang pendidikan tersebut.

Ketua Program Pengurusan, Pemasaran dan Perniagaan Antarabangsa, Pusat Pengajian Pengurusan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Che Aniza Che Wei berkata, situasi itu kini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana ramai usahawan terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai latar belakang bidang perniagaan.

"Ini disebabkan mereka berani mengambil risiko dan berminat untuk mencuba sesuatu yang baharu berdasarkan kemahiran dimiliki.

"Sebagai contoh, kemahiran dalam bidang vokasional, penyelidikan atau masakan mendorong mereka membuka perniagaan," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.

Tambahnya, kursus, seminar atau bengkel keusahawanan juga banyak membantu mendedahkan golongan tersebut untuk mencetuskan diri dalam perniagaan.

Maka, tidak hairan jika ramai usahawan mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang kejuruteraan dan farmasi.

Menurutnya, kreativiti yang ada pada individu tersebut juga antara faktor membawa kepada penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan.

Tambahan pula, perniagaan yang dijalankan ringkas, mudah dan berasaskan kepada pengetahuan dimiliki selain mengikut peredaran teknologi serta masa.

"Sehubungan itu, strategi pasaran juga perlu sejajar dengan peredaran masa dan teknologi supaya boleh bertahan lama.

"Paling penting adalah pengurusan dan jenama produk supaya orang ramai mudah tertarik dan membeli barang yang dijual," jelasnya.



CHE ANIZA

Towards an equitable society

11th Malaysia Plan will include strategies to improve wellbeing of B40 households

Stories by **THOMAS HUONG**
huong@thestar.com.my

THE 11th Malaysia Plan will include strategies that will improve the wellbeing of the bottom 40% households income group (B40 households).

The monthly income of B40 households had increased to RM2,537 in 2014 from RM1,440 in 2009.

Uplifting the B40 households will be a game changer for Malaysia as upskilling and providing job opportunities to the 2.7 million B40 households, will reduce inequality passed on

to future generations.

The targets include doubling the mean income of B40 households to RM5,270 in 2020 (from RM2,537 in 2014). The size of middle-class society will grow to 45% by 2020.

More B40 households will have family members with tertiary education, from 9% in 2014 to 20% in 2020. The income share of the B40 to national household income will also increase from 16.5% in 2014 to 20% in 2020.

Measures will include narrowing the gap in post-secondary educational achievement.

Employers will be incentivised to encourage their employees to pursue higher education

and skill levels.

Meanwhile, incentives such as soft loan facilities will be provided to employees to further their studies.

Entrepreneur development organisations such as SME Corp Malaysia, SME Bank, and **Malaysian Technology Development Corp** will continue to provide entrepreneurial training relevant to market needs.

Special interest rate loans, with a 10-year moratorium on sale of the property, will be provided to B40 households for affordable homes.

Affordable housing schemes by Perbadanan

PR1MA Malaysia and Syarikat Perumahan Negara Bhd will be continued.

Also, income inequality is expected to improve further with the Gini coefficient reducing from 0.401 in 2014 to 0.385 in 2020.

This will be achieved by prioritising five focus areas, namely uplifting B40 households towards a middle-class society, empowering communities for a productive and prosperous society, transforming rural areas to uplift wellbeing of rural communities, accelerating regional growth for better geographic balance, and enhancing Bumiputra Economic Community opportunities to increase wealth ownership.